

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 01.10.2025 MASA: 5:00ptg

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL. 3/2025

TARIKH / MASA / TEMPAT

**02 OKTOBER 2025 (KHAMIS)
8:40 PAGI**

**RUANG LEGAR
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati
En Cheen Goon Hoi
En Zainuddin Bin Mohamed
En Muhamad Suzuki Bin Ahmad
Datuk Mohd Noor Bin Ahmad
Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh makna ini. Pagi yang bukan sahaja mengisi kalender rasmi kita, tetapi pagi yang membuka lembaran baharu untuk kita terus menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan Ketua WHIP, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan dan seluruh warga MBSP yang sentiasa menzahirkan komitmen, disiplin, integriti dan semangat kerja berpasukan.
2. Perhimpunan Korporat ini bukan sekadar majlis biasa. Ia adalah **pentas laporan, ruang muafakat, medan penyatuan iltizam dan suntikan inspirasi** untuk kita semua. Inilah waktunya kita menyemak haluan, memperbaharui semangat dan bergerak bersama sebagai satu pasukan yang dinamik, progresif dan berdaya tahan.
3. Kita semua sedar – cabaran MBSP hari ini **tidak sama seperti dahulu**. Dunia bergerak pantas, lebih kompleks, dan rakyat menuntut perkhidmatan yang bukan sekadar baik... tetapi

cemerlang! Mereka mahu penyelesaian segera, layanan mesra, perkhidmatan cekap – semuanya dalam tempoh yang singkat.

Inilah realiti. **Persoalannya – adakah kita sudah bersedia?**

Jawapannya: **Kita mesti bersedia.**

Kita tidak boleh hanya bertahan, kita mesti **bergerak ke hadapan**, menjadi organisasi yang tangkas, berdaya saing dan sentiasa relevan.

4. Inilah semangat Agenda Perubahan Perkhidmatan Awam. Ia menuntut kita bekerja dengan budaya:

Mesra rakyat – faham dan peka keperluan masyarakat.

Responsif – pantas bertindak terhadap isu dan maklum balas.

Cekap – urus tadbir dengan cepat, tepat dan berkesan.

Telus – setiap tindakan penuh akauntabiliti.

Ini bukan slogan kosong. Ini seruan perubahan. Dan saya yakin, dengan semangat kerja berpasukan, integriti yang kukuh dan keberanian untuk berubah – MBSP akan terus menjadi contoh unggul kepada PBT lain di Malaysia.

5. Hari ini, suara rakyat bukan hanya datang di kaunter aduan. Mereka bersuara di Facebook, TikTok, WhatsApp, portal berita, dan

pelbagai platform digital. Setiap mesej mereka adalah isyarat – bahawa mereka mahu kerajaan tempatan yang telus, pantas dan efisien.

MBSP tidak boleh ketinggalan. Kita mesti mengadaptasi teknologi, memperkuuh komunikasi dalaman, menjaga integriti dan mengekalkan semangat berpasukan.

Penyampaian Perkhidmatan

6. Untuk makluman, pada 6 hingga 10 Oktober 2025, kita akan melalui Audit Pensijilan Semula ISO melibatkan 8 sistem ISO. Saya minta semua Ketua Jabatan pastikan pegawai berkaitan hadir dan bersedia. Jadikan audit kali ini lebih teratur, profesional dan lancar. Ingat – audit bukan beban, audit adalah peluang untuk kita buktikan keupayaan sebenar MBSP. Selain itu, MBSP turut menyokong pelaksanaan Quality Environmental 5.0 (QE 5.0) yang diperkenalkan MPC. QE 5.0 bukan sekadar 5S yang diperbaharui. Ia adalah transformasi budaya kerja – menambah elemen kualiti, nilai kemanusiaan, teknologi dan kelestarian.
7. Kita kini berada dalam era Revolusi Industri 4.0. Maka QE 5.0 mengingatkan kita: inovasi mesti digerakkan dengan hati, teknologi mesti mesra pengguna, dan setiap tindakan kita mesti memberi impak positif kepada rakyat dan alam sekitar.

Pelaksanaan Faedah/ Manfaat Kakitangan

8. MBSP tidak pernah melupakan kebaikan warganya. Hari ini saya umumkan beberapa perkara penting:
 - i. Skim Ex-Gratia Bencana Kerja – 8 kakitangan yang terlibat insiden akan menerima bayaran pampasan. Ini bukti bahawa MBSP sentiasa prihatin dan bertanggungjawab.
 - ii. Dasar Bantuan Hilang Upaya Sementara – mulai 1 Ogos 2025, kakitangan kontrak yang terlibat akan mendapat bayaran penuh untuk 6 bulan pertama, 50% untuk 6 bulan kedua dan ketiga. Ini penambahbaikan besar demi kesejahteraan warga MBSP.
 - iii. 110 Klinik Panel kini berdaftar – termasuk 12 klinik baharu di Seberang Perai Utara, Selatan dan Kedah. Akses rawatan kini lebih luas dan mudah untuk semua.
 - iv. Agihan lebihan peruntukan Klinik Panel – 50% akan dikembalikan kepada kakitangan, 50% untuk program kesihatan MBSP. Bayaran akan dibuat sebelum 15 Januari 2026.

Inilah bukti nyata bahawa kesejahteraan tuan/puan semua adalah keutamaan MBSP.

Anugerah dan Pencapaian

Seterusnya, izinkan saya menyentuh beberapa pencapaian yang membanggakan:

9. MBSP telah menerima Emerald Award – 3rd Place bagi kategori City and Town Park (bawah 50 hektar) melalui projek Blossom's Embrace: A Symphony of Laman Flora dalam MIP MyPlace 2025, anjuran Malaysian Institute of Planners (MIP) yang berlangsung pada 12 September 2025 di Hotel Le Meridien, Petaling Jaya.

Tahniah Jabatan Lanskap.

10. Selain itu, bagi menghargai kesetiaaan, kesungguhan dan kecemerlangan kakitangan MBSP, MBSP akan melaksanakan Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan [TBK1 & TBK2] adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2017 dimana antara syarat yang memperuntukan ialah telah berkhidmat selama 13 tahun dan lebih dalam skim perkhidmatan. Oleh itu, pada hari ini akan diadakan Sesi Penyerahan Surat Tawaran Kenaikan Pangkat secara Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan [TBK1 & TBK2] kepada 24 orang kakitangan daripada Kumpulan Pelaksana bagi memberi inspirasi dan pencetus semangat kepada

seluruh warga MBSP agar meningkatkan mutu, kualiti dan berdaya saing dalam perkhidmatan awam.

11. Program Hari Bandaraya MBSP 2025 pada 20 September 2025 yang lepas telah berjaya menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat melalui aktiviti sukan, kesenian, kesihatan, pameran serta jualan komuniti. Dengan sokongan padu jabatan dalaman, agensi kerajaan, MPKK Kawasan Seberang Jaya, agensi swasta serta NGO, program ini bukan sahaja memperkuatkan hubungan MBSP dengan komuniti, malah turut menampilkan Seberang Perai sebagai sebuah bandar raya yang lestari, inklusif dan berdaya saing. Syabas dan Tahniah buat Jabatan Perhubungan Komuniti, jabatan-jabatan serta persatuan-persatuan dalaman MBSP. Selain daripada pengajuran Sambutan Hari Bandaraya, MBSP juga turut merancang untuk menganjurkan Hari Keluarga MBSP sebagai wadah merapatkan ukhuwah dan mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga kerja serta keluarga masing-masing. Saya berharap agar perancangan ini dapat disegerakan.

12. Dengan penuh rasa bangga dan penghargaan, dimaklumkan juga bahawa Pasukan Pendakian MBSP telah berjaya menawan Everest Base Camp (EBC) di Nepal, yang terletak pada ketinggian 5,384 meter dari paras laut. Pencapaian bersejarah ini direkodkan pada 13 September 2025 (Sabtu) jam 12.15 tengah hari (waktu Nepal) | 2.35 petang (waktu Malaysia). Tarikh keseluruhan ekspedisi

bermula pada 1 September 2025 dan berakhir pada 20 September 2025. Seramai 9 orang peserta yang terdiri daripada MBSP, MSM Prai Berhad, SUK Negeri Pulau Pinang dan Syarikat swasta daripada Oil dan Gas telah menyertai ekspedisi ini dan berjaya mengharungi cabaran fizikal dan mental dalam keadaan cuaca yang ekstrem, laluan mencabar serta altitud tinggi. Pencapaian ini bukan sahaja membuktikan ketahanan dan semangat juang yang tinggi dalam kalangan warga kerja MBSP, malah turut menjadi simbol kekuatan mental, daya tahan, disiplin dan kerjasama berpasukan yang boleh dicontohi dalam aspek kerja seharian. Tahniah dan Syabas buat empat (4) orang pendaki daripada MBSP iaitu Puan Syarifah Maryah Binti Syed Salleh, Encik Mohamed Anas Bin Mohd Tahir, Puan Nurul Fatiah Binti Rusle dan Encik Mahmud Bin Mohamad.

13. Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga MBSP atas penyertaan dalam MBSP Weight Loss Challenge 2025, yang telah berlangsung selama 5 bulan dari 11 Mac hingga 12 Ogos 2025, melibatkan 413 peserta. Program ini bukan sekadar menurunkan berat badan, malah memupuk gaya hidup sihat, disiplin, semangat juang dan kerjasama sesama rakan sekerja selain dapat meningkatkan tahap kecergasan, pengurangan risiko penyakit, serta mewujudkan suasana kerja yang lebih positif dan produktif. Tahniah kepada semua peserta, terutamanya

pemenang yang menerima ganjaran wang tunai atas usaha dan komitmen tinggi. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin buat semua yang lain untuk mengikuti program ini seterusnya mengutamakan kesihatan demi kesejahteraan diri, keluarga dan semua.

Motivasi dan Penutup

14. Kita tidak boleh bekerja secara biasa-biasa. Kita perlu bekerja secara luar biasa. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, penjimatan kos dan kecekapan mesti menjadi budaya kita. Setiap ringgit yang dibelanjakan mesti memberi impak besar kepada rakyat.
15. Saya yakin, setiap daripada kita mempunyai potensi untuk menyumbang kepada kecemerlangan MBSP. Ingatlah, sebagai penjawat awam, amanah rakyat berada di bahu kita.

Dan saya ingin tinggalkan dua persoalan untuk kita renungkan:

Kalau bukan kita, siapa lagi? Kalau bukan sekarang, bila lagi?

16. Marilah kita sama-sama menjadikan MBSP sebuah organisasi cemerlang, telus dan berjiwa rakyat.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.